



## Analisis Tematik Pandangan Hukum Muamalat Jawatankuasa Muzakarah MKI Sepanjang Hampir Lima Dasawarsa

### *Thematic Analysis of Muamalat Legal Views of the MKI Muzakarah Committee Over Almost Five Decades*

Abdul Azib Hussain<sup>\*1</sup>, Muhammad Zuhaili Saiman<sup>2</sup>, Mohd Kamil Ahmad<sup>3</sup>, Shukri Yahya<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam Komtemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), 16310 Bachok, Kelantan, Malaysia.

**ABSTRAK** - Kajian ini mengetengahkan analisis tematik terhadap pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dalam bidang muamalat. Skop tempoh pandangan hukum dianalisis bermula dari tahun 1971 hingga 2020, iaitu sepanjang tempoh 49 tahun. Analisis pandangan hukum dipersembahkan berdasarkan tema dan isu meliputi zakat, wakaf, emas, pewarisan, KWSP, pelaburan, pinjaman, perbankan, insurans dan takaful, tabung haji, pajakan dan baitulmal. Sumber data kajian antaranya diperolehi daripada buku Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) edisi ketujuh yang telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2021. Reka bentuk kajian berbentuk kualitatif diuraikan secara analisis deskriptif berpandukan tema menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Dapatkan kajian menemui empat aspek utama yang boleh dikemukakan sebagai analisis tematik iaitu; [i] Pendalilan dan keterangan penghujahan; [ii] Metodologi dan bahan rujukan; [iii] Pertentangan fatwa, dan; [iv] Sulit dan rahsia. Di akhir perbincangan, kajian ini mengesyorkan beberapa cadangan pemantapan terhadap pandangan hukum muamalat seperti aspek persempahan kandungan jawapan pandangan hukum serta deklarasi dan hebahannya.

#### **ARTICLE HISTORY**

Received: 25<sup>th</sup> Sept 2023

Revised: 28<sup>th</sup> Nov 2023

Accepted: 21<sup>st</sup> Nov 2023

Published: 01<sup>st</sup> Dec 2023

#### **KATA KUNCI**

Analisis tematik, pandangan hukum muamalat, Jawatankuasa Muzakarah MKI.

**ABSTRACT** - This study highlights the thematic analysis of the legal views issued by the Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia (MKI) in the field of muamalat. The scope of the period of legal opinion analysed starts from 1971 to 2020, which is a period of 49 years. Analysis of legal views is presented based on themes and issues covering zakat, waqf, gold, inheritance, EPF, investment, loans, banking, insurance and takaful, Hajj fund, leasing and Baitulmal. The data source for the study was obtained from the seventh edition of the book Compilation of Legal Views of the Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia (MKI) which was published by the Malaysian Islamic Development

\*CORRESPONDING AUTHOR | Abdul Azib Hussain | azib@kias.edu.my

© The Authors 2023. Published by Penerbit USIM. This is an open access article under the CC BY 4.0 license.

*Department (JAKIM) in 2021. The design of the qualitative study was described in a descriptive analysis based on themes using inductive, deductive and comparative methods. The findings of the study found four main aspects that can be presented as a thematic analysis, namely; [i] Argument and evidence of argumentation; [ii] Methodology and reference materials; [iii] Fatwa opposition, and; [iv] Confidential and secrecy. At the end of the discussion, this study recommends several suggestions for strengthening the legal view of muamalat such as the aspect of presenting the content of the answer based on legal view as well as its declaration and publication.*

**Keywords:** Thematic analysis, muamalat legal view, MKI Muzakarah Committee

## PENGENALAN

Pandangan-pandangan hukum dalam bidang muamalat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) merupakan antara khazanah ilmu yang sangat berharga. Ia dikenal pasti telah dikeluarkan sejak tahun 1971 lagi.

Apabila pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengambil tindakan menerbitkan pandangan-pandangan hukum ini dalam bentuk salinan keras seperti buku Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung dengan Isu-isu Muamalat maka ia merupakan suatu tindakan yang sangat bijaksana.

Edisi pertama buku ini telah diterbitkan pada tahun 2009 dengan nama Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berhubung dengan Isu-isu Muamalat (JAKIM, 2009). Selaras dengan perkembangan isu dan perubahan semasa, buku ini turut mengalami proses modifikasi terhadap nama dan isi kandungannya. Dalam edisi kali ketujuh yang diterbitkan pada tahun 2021, ia dinamakan sebagai Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) (JAKIM, 2021). Buku ini merupakan edisi kemaskini yang paling mutakhir. Ia menghimpunkan pandangan-pandangan hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI dalam semua bidang merangkumi akidah, ibadah, muamalat dan ekonomi, sains dan perubatan, zakat, munakahat dan kekeluargaan, makanan dan minuman, pakaian dan perhiasan, haiwan, sosial dan masyarakat, serta perundangan.

Dalam kajian ini penulis ingin mengetengahkan analisis tematik terhadap pandangan hukum yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dalam bidang muamalat sahaja, bermula dari tahun 1971 hingga 2020.

## SOROTAN LITERATUR

### Penggunaan Istilah Pandangan Hukum dan Fatwa

Penggunaan istilah ‘pandangan hukum’ dan ‘fatwa’ dilihat seakan perkara yang sinonim. Namun menurut Mohamad (2022), istilah ‘pandangan hukum’ digunakan merujuk kepada hasil keputusan muzakarah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang diselia oleh JAKIM. Ini kerana JAKIM bertugas dan bertindak sebagai penyelaras serta tidak mempunyai bidang kuasa untuk urusan fatwa. Bidang kuasa untuk urusan fatwa adalah tertakluk di bawah Majlis raja-raja dan negeri-negeri. Oleh kerana itu, jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab terhadap perbincangan dan muzakarah, tetapi bukan fatwa.

Walaupun keputusan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI tidak bersifat mengikat dari segi undang-undang, namun keputusan pandangan hukum ini keluarkan oleh satu jawatankuasa yang sangat berautoriti dan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hukum syarak di Malaysia (JAKIM, 2021). Pun begitu, penggunaan istilah ‘pandangan hukum’ dan ‘fatwa’ mempunyai persamaan dari sudut subjek perbahasan iaitu berkaitan ‘hukum syarak’. Oleh itu,

tinjauan literatur ini turut merujuk kepada kajian yang pernah dilakukan oleh penulis terdahulu berkaitan fatwa dan hukum dalam bidang muamalat.

### **Pandangan Hukum dan Fatwa dalam Bidang Muamalat**

Kajian dan perbincangan berkaitan hukum dan fatwa muamalat telah dilakukan oleh ramai penyelidik. Tinjauan literatur mendapati kajian oleh para penyelidik terdahulu secara umumnya boleh dikategorikan kepada beberapa aspek seperti: [a] Penulisan; [b] Metodologi berhukum; [c] Perundangan, dan; [d] Analisis bertema.

Kajian menyentuh aspek penulisan berkaitan fatwa muamalat dikesan oleh penyelidik pernah dihasilkan oleh Bahari (2012). Kajian beliau menganalisis aspek penulisan fatwa muamalat dalam tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia. Kajian beliau mendapati fatwa muamalat yang dikeluarkan mempunyai unsur dinamisme tersendiri khususnya pada zaman alaf ke-20. Walaupun kajian beliau mempunyai persamaan dengan penyelidikan penulis iaitu bidang muamalat, namun kajian beliau tidak menyentuh aspek analisis tematik.

Kemudian kajian yang menyentuh aspek metodologi berhukum dalam bidang muamalat diketengahkan oleh Bahari dan Buang (2016), dan Mustapha (2021). Kajian Bahari dan Buang (2016) membincangkan penggunaan maqasid al-Syariah dalam fatwa muamalat di Malaysia. Menurut hasil kajian mereka, metodologi berhukum menurut perspektif maqasid al-Syariah dalam bidang muamalat belum dikaji secara bersepada. Manakala kajian Mustapha (2021) pula menjelaskan pendalilan darurah dalam pengeluaran hukum bagi isu-isu muamalat. Kajian beliau mempunyai persamaan dengan penyelidikan penulis dari sudut subjek kajian iaitu tertumpu kepada keputusan muzakarah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI. Hasil kajian beliau mendapati pendalilan darurah bersandar kepada nas al-Quran dan hadith serta hujah-hujah sokongan daripada qawaid fiqhiiyah, maqasid al-Syariah dan fakta statistik. Kedua-dua kajian dalam aspek metodologi berhukum ini sesuai dijadikan rujukan kerana mempunyai persamaan bidang kajian, namun masih mempunyai kelompongan dari sudut analisis tematik.

Kajian seterusnya yang membincangkan aspek perundangan dalam kes muamalat telah dikemukakan oleh Mat Salleh et al. (2017). Artikel mereka membahaskan tentang kedudukan fatwa dan keputusan Majlis Penasihat Syariah sebagai sumber yang berautoriti di mahkamah dalam membicarakan kes-kes muamalat. Namun hasil kajian mereka mendapati bidang kuasa Mahkamah Sivil lebih tinggi berbanding fatwa yang diwartakan di peringkat negeri apabila menghakimi kes-kes muamalat dan perbankan Islam. Oleh itu, kajian mereka mencadangkan supaya penambahbaikan perundangan perlu dilaksanakan agar peranan fatwa dan keputusan Majlis Penasihat Syariah menjadi lebih efektif dalam perbicaraan kes-kes muamalat. Kajian ini dijadikan rujukan kerana mempunyai persamaan bidang kajian.

Manakala kajian yang membahaskan aspek analisis secara bertema telah dihasilkan oleh Nor Muhammad et.al (2017). Artikel ini seakan mempunyai persamaan dengan penyelidikan penulis dari sudut bidang kajian, statistik fatwa dan metodologi. Namun ia mempunyai perbezaan dari sudut skop tempoh fatwa yang dikaji (1976-2015) dan sumber data utama yang diperolehi (laman web [www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)). Berbeza dengan penyelidikan penulis, skop tempoh masa pandangan hukum yang dikaji adalah bermula dari tahun 1971 hingga 2020 iaitu dalam tempoh 49 tahun. Manakala sumber data utama pula diambil daripada buku Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) edisi ketujuh terbitan JAKIM pada tahun 2021.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggabungkan kajian kepustakaan dan lapangan. Data-data kajian diteroka dan dikutip daripada sumber-sumber bertulis dan temu bual. Sumber bertulis yang paling utama adalah buku Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) edisi ketujuh terbitan 2021. Penyelidikan mendapati jumlah pandangan hukum muamalat yang diperolehi daripada tahun 1971 hingga 2020 adalah sebanyak 80 buah pandangan hukum. Ia dikira dengan cara menyisihkan fatwa-fatwa yang tidak berkaitan dengan bidang muamalat seperti bidang akidah, ibadah, sains dan perubatan, munakahat dan kekeluargaan, makanan dan minuman, pakaian dan perhiasan, haiwan, sosial dan masyarakat, serta perundangan.

Data-data kajian daripada sumber bertulis yang lain adalah seperti artikel jurnal, kertas kerja dan buku. Manakala responden temu bual yang terlibat adalah seramai tiga orang terdiri daripada dua orang mufti dan seorang ahli akademik. Data-data yang dikumpulkan dianalisis secara tematik dan diuraikan secara deskriptif menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Sumber utama yang menjadi rujukan penulis dalam kajian ini ialah buku Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) edisi ketujuh (kemaskini) yang diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 2021. Buku ini memuatkan himpunan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI antara tahun 1970 hingga 2021 merangkumi 11 tema iaitu:

1. Akidah
2. Ibadah
3. Muamalat dan ekonomi
4. Sains dan perubatan
5. Zakat
6. Munakahat dan kekeluargaan
7. Makanan dan minuman
8. Pakaian dan perhiasan
9. Haiwan
10. Sosial dan masyarakat serta;
11. Perundangan

Sepanjang tempoh 51 tahun (1970 – 2021), keseluruhan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang direkodkan dalam kompilasi tersebut mengandungi 361 pandangan hukum. Bagi keseluruhan jumlah dan peratus pandangan hukum mengikut tema dalam buku tersebut, ia dijelaskan seperti dalam jadual 1 di bawah:

**Jadual 1:** Jumlah dan Peratus Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI Mengikut Tema Antara Tahun 1970 – 2021

Tema	Akidah	Ibadah	Muamalat & Ekonomi	Sains & Perubatan	Zakat	Munakahat & Kekeluargaan	Makanan & Minuman	Pakaian & Perhiasan	Haiwan	Sosial & Masyarakat	Perundangan	Jumlah
Jumlah Pandangan Hukum	48	31	53	51	27	34	19	9	19	65	5	361
Peratus	13.3	8.6	14.7	14.1	7.5	9.4	5.3	2.5	5.3	18.0	1.4	100

Sumber: Penyelidikan, 2023

Manakala perincian jumlah pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI yang direkodkan mengikut tahun (1970 – 2021) bagi setiap tema adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2:** Perincian Jumlah Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI Mengikut Tahun (1970 – 2021)

Tema/ Tahun	Akidah	Ibadah	Muamalat & Ekonomi	Sains & Perubatan	Zakat	Munakahat & Kekeluargaan	Makanan & Minuman	Pakaian & Perhiasan	Haiwan	Sosial & Masyarakat	Perundangan	Jumlah
2021	1	3	-	3	-	-	-	-	1	1	-	9
2020	1	-	2	-	-	-	3	-	-	1	-	7
2019	2	1	-	1	-	-	-	-	-	1	1	6
2018	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
2017	4	-	1	-	-	1	-	-	-	3	-	9
2016	2	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	3
2015	-	-	3	1	-	-	1	-	-	5	-	10
2014	2	1	1	4	-	1	1	-	-	3	-	13
2013	-	-	1	1	-	-	-	1	-	2	-	5
2012	-	-	5	2	1	1	2	1	-	2	-	14
2011	-	1	2	3	-	3	3	-	2	5	-	19
2010	1	-	-	2	-	-	-	-	1	4	1	9
2009	2	1	2	2	1	2	-	2	-	1	-	13
2008	3	3	9	3	-	1	-	1	-	3	-	23
2007	2	2	4	1	1	-	2	-	-	4	-	16
2006	6	2	2	3	2	1	1	-	3	1	1	22
2005	3	1	2	1	2	3	-	1	2	5	-	20
2004	-	3	3	1	-	-	1	-	-	2	-	10
2003	1	2	-	-	5	5	-	-	-	-	-	13
2002	-	-	1	4	1	3	1	1	-	-	-	11
2001	-	-	-	-	5	-	-	-	-	1	-	6
2000	2	2	3	-	-	-	-	-	-	2	-	9
1999	-	-	1	-	-	-	1	-	-	1	-	3
1998	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
1997	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1	-	2
1996	2	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	3
1995	2	-	1	1	-	1	-	-	1	2	-	8
1994	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
1993	1	-	1	1	1	-	-	1	-	-	-	5
1992	-	2	-	-	2	-	-	-	-	2	-	6
1991	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
1990	-	1	1	1	-	-	2	-	1	-	-	6
1989	-	-	-	2	-	1	-	-	1	3	1	8
1988	-	1	1	2	-	2	1	-	3	-	-	10
1987	1	-	2	1	1	-	-	1	-	-	-	6
1986	1	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
1985	2	2	-	-	1	-	-	-	1	-	-	6
1984	2	-	-	3	-	-	-	-	1	4	-	10
1983	1	-	-	2	-	-	-	-	-	1	-	4
1982	1	-	1	3	1	1	-	-	-	1	1	9
1981	-	-	-	1	1	1	-	-	2	3	-	8
1980	1	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	2
1979	-	-	1	-	1	-	-	-	-	-	-	2
1978	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
1977	-	1	-	-	-	2	-	-	-	-	-	3
1976	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
1975	-	-	-	-	-	2	-	-	-	-	-	2
1974	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
1973	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1
1972	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
1971	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-	2
1970	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>31</b>	<b>53</b>	<b>51</b>	<b>27</b>	<b>34</b>	<b>19</b>	<b>9</b>	<b>19</b>	<b>65</b>	<b>5</b>	<b>361</b>
<b>Peratus</b>	<b>13.3</b>	<b>8.6</b>	<b>14.7</b>	<b>14.1</b>	<b>7.5</b>	<b>9.4</b>	<b>5.3</b>	<b>2.5</b>	<b>5.3</b>	<b>18.0</b>	<b>1.4</b>	<b>100</b>


Sumber: Penyelidikan, 2023

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Tematik Pandangan Hukum Muamalat Jawatankuasa Muzakarah MKI Sepanjang Hampir Lima Dasawarsa

Berdasarkan Jadual 2, pandangan hukum berkaitan muamalat merangkumi dua tema iaitu: [i] Muamalat dan ekonomi, serta; [ii] Zakat. Pandangan hukum berkaitan muamalat dan ekonomi berjumlah sebanyak 53 buah pandangan. Manakala pandangan hukum berkaitan zakat pula berjumlah sebanyak 27 buah pandangan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pandangan hukum muamalat dalam kompilasi pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI adalah sebanyak 80 buah pandangan, iaitu paling tinggi berbanding pandangan-pandangan hukum yang lain mengikut tema yang berbeza.

Antara tahun 1970 hingga 2021, peratus pecahan pandangan hukum mengikut tema adalah tidak sekata dan berbeza-beza. Ia ditunjukkan seperti dalam Rajah 1 di bawah:




Sumber: Penyelidikan 2023

**Rajah 1:** Peratus Pecahan Pandangan Hukum Mengikut Tema Antara Tahun 1970 - 2021

Merujuk kepada Rajah 1 di atas, peratus pandangan hukum berkaitan muamalat iaitu; [i] Muamalat dan ekonomi, serta; [ii] Zakat adalah sebanyak 23%, iaitu paling tinggi berbanding pandangan hukum dalam tema-tema yang lain.

Perbandingan antara pandangan hukum muamalat dengan pandangan hukum bagi semua tema antara tahun 1970 hingga 2021 dapat dilihat dalam Graf 1.



Sumber: Penyelidikan 2023

**Graf 1:** Perbandingan antara Pandangan Hukum Muamalat dengan Pandangan Hukum bagi Semua Tema antara Tahun 1970 – 2021


Walaupun kompilasi pandangan hukum ini dibukukan bermula tahun 1970 hingga 2021, namun pandangan hukum bagi isu muamalat dikenal pasti bermula pada tahun 1971 hingga 2020 sahaja. Dalam tempoh 49 tahun ini, jumlah keseluruhan pandangan hukum muamalat yang ada adalah sebanyak 80 buah pandangan. Fakta angka bagi jumlah pandangan hukum muamalat mengikut tahun dijelaskan seperti dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3:** Jumlah Pandangan Hukum Muamalat antara Tahun 1971-2020

Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan
1971	1	1992	2	2003	5	2013	1
1978	1	1993	2	2004	3	2014	1
1979	2	1995	1	2005	4	2015	3
1981	1	1996	1	2006	4	2017	1
1982	2	1997	1	2007	5	2020	2
1985	1	1999	1	2008	10		
1987	3	2000	3	2009	3		
1988	1	2001	5	2011	1		
1990	1	2002	2	2012	6		

Sumber: Penyelidikan 2023

Pandangan hukum muamalat dalam Jadual 3 di atas boleh diperhatikan dengan lebih jelas dalam pecahan pada Rajah 2 di bawah:



Sumber: Penyelidikan 2023

**Rajah 2:** Pecahan Pandangan Hukum Muamalat antara Tahun 1971 – 2020


Berdasarkan analisis data-data di atas, tahun 2008 mempunyai jumlah pandangan hukum muamalat yang paling tinggi berbanding tahun-tahun yang lain. Pada hemat penyelidik, antara faktor yang mempengaruhi perkara ini adalah kerana kesan daripada krisis kemelesetan ekonomi dunia yang sangat ketara. Ini menyebabkan isu muamalat dan ekonomi menjadi perbahasan umum sama ada di peringkat masyarakat awam atau kerajaan.

#### **Pecahan Tema Mengikut Isu dan Tajuk dalam Pandangan Hukum Muamalat Antara Tahun 1971 Hingga 2020**

Terdapat 13 isu muamalat dalam pandangan hukum antara tahun 1971 hingga 2020. Ia merangkumi isu-isu muamalat seperti berikut:

1. Zakat
2. Wakaf
3. Emas
4. Pewarisan
5. KWSP
6. Pelaburan
7. Pinjaman
8. Perbankan
9. Insurans dan takaful
10. Tabung Haji
11. Pajak (al-rahn)
12. Baitulmal, dan;
13. Lain-lain.

Dari sudut peratusan, zakat merupakan antara isu muamalat yang paling popular dan paling banyak dikeluarkan keputusan pandangan hukum berbanding isu-isu muamalat yang lain. Analisis peratusan dan perbandingan isu-isu muamalat antara tahun 1971 hingga 2020 ini dapat dilihat dalam Rajah 3 seperti di bawah.



Sumber: Penyelidikan 2023

**Rajah 3:** Analisis Peratusan dan Perbandingan Isu-isu Muamalat antara Tahun 1971 – 2020

Manakala butiran isu muamalat dan tajuk pandangan hukumnya antara tahun 1971 hingga 2020 dibentangkan seperti dalam Jadual 4 di bawah:

**Jadual 4:** Butiran Isu Muamalat dan Tajuk Pandangan Hukumnya antara Tahun 1971-2020

Bil.	Isu	Tajuk	Tahun	Jumlah	Peratus (%)
1	Zakat	Pembayaran Zakat Oleh Tabung Haji	1979		
		Sistem Metrik Dalam Urusan Zakat	1981		
		Zakat Wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1982		
		Zakat Koperasi Shamelin dan Seumpamanya	1985		
		Zakat Ke Atas MARA	1987		
		Zakat Gaji & Pendapatan Profesional – 1	1992		
		Hukum Zakat ke atas Syarikat	1992	27	33.75%
		Hukum Zakat, Korban dan Akikah ke atas Ternakan Rusa	1993		
		Zakat Gaji & Pendapatan Profesional – 2	1997		
		Hukum Wanita dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji dan Pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri	2001		

	Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Syariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam	2001		
	Zakat Syarikat/ Anak Syarikat Yang Dimiliki Oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	2001		
	Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan Non Muslim	2001		
	Hukum Zakat Terhadap Firma-Firma Syarikat Konsultan	2001		
	Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia	2002		
	Zakat Gaji Beserta Kadarnya	2003		
	Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji	2003		
	Cara Penetapan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia	2003		
	Hukum Zakat Fitrah ke atas Orang Tahanan dan Banduan Islam di Institusi Penjara	2003		
	Hukum Bayaran Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia	2003		
	Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayarannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia	2005		
	Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya	2005		
	Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran – Satu Alternatif	2006		
	Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat	2006		
	Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah	2007		
	Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian	2009		
	Status Kewajipan Zakat Ke Atas Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)	2012		
2	Saham Wakaf dan Wakaf Gantian	1982		
	Langkah-Langkah Membangunkan Hartanah Waqaf MAIN Dari Perspektif Hukum	1996		
	Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkusa	1999		
	Hukum Wakaf bagi Tanah Bertaraf Hak Milik Terhad	2004	7	8.75%
	Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia ke-9	2007		
	Hukum Menggunakan Tanah Wakaf Khas dengan Membangunkan Selain Niat Asal Pewakaf	2008		
	Wakaf Unit Amanah	2017		
3	Hukum Jual Beli dan Pelaburan Emas yang Dijalankan Oleh Syarikat Geneva Malaysia Sdn. Bhd.	2012	1	1.25%
	Pewarisan Harta dan Harta Sepencarian yang Dilaksanakan di Rancangan Felda	1995	3	3.75%


	Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah	2008		
	Hukum Pewarisan Bagi Kes Kematian Serentak	2008		
	Wang Simpanan KWSP, SOCSO dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam yang Meninggal Dunia	2000		
	Hukum Pembayaran Simpanan Kumpulang Wang Simpanan Pekerja Bagi Ahli yang Memeluk Agama Islam	2004		
5	KWSP	Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Sebagai Harta Sepencarian	2005	4 5%
	Penyucian Dividen Simpanan Ahli KSWP Sedia Ada Sebelum Bertukar ke Akaun KWSP yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)	2015		
	Hukum Terhadap Produk <i>Investment link</i> Menurut Islam	2006		
	Hukum Pelaburan Terhadap Syarikat Swiss Cash Mutual Fund	2007		
6	Pelaburan	Pelaburan Dalam ASN, ASB dan Seumpamanya	2008	5 6.25%
	Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani ( <i>Individual Spot Forex</i> ) Melalui Platfrom Elektronik	2012		
	Hukum Pelaburan yang Dijalankan oleh Syarikat Mecca Fund Global	2015		
	Pinjaman	Pinjaman Pendidikan Mengikut Prinsip Syariah	2002	
7		Kajian Pelaksanaan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Berasaskan Kontrak Jua’alah	2008	2 2.5%
		Wang Faedah	1971	
8	Perbankan	Hukum Bermuamalah dengan Bank-bank Perdagangan	1993	
		Status Terkini Pematuhan Syariah Skim Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN)	2012	3 3.75%
		Insurans	1979	
	Insurans	Kajian Hukum Insurans Am	2008	
9	dan Takaful	Hukum Pelaksanaan Takaful di Malaysia	2008	
		Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah	2009	5 6.25%
		Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi	2011	
10	Tabung Haji	Skim Haji Perkhidmatan Tentera	1987	
		Akaun Simpanan yang Tidak Aktif Dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji	1990	2 2.5%
11	Pajak ( <i>al-Rahn</i> )	Penentuan Hukum Syarak di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam ( <i>Ar Rahnu</i> ) di Malaysia	2007	
		Penentuan Hukum Syarak di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam ( <i>Ar Rahnu</i> ) di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian)	2007	2 2.5%
12	Baitulmal	Menyalurkan Wang Hasil Pelbagai Denda Mahkamah-Mahkamah Syariah Ke Baitulmal Negeri-Negeri Di Malaysia	2000	
		Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal dan Institusi Islam Lain	2009	4 5%

	Pengurusan Wang dan Harta Milik Orang Islam yang Tidak Dituntut dan Status Kementerian Kewangan Sebagai Perbendaharaan Negara yang Boleh Bertindak Sebagai Baitulmal dalam Menguruskannya	2012	
	Hukum Penyaluran Hasil Gharamah Institusi Kewangan Islam ke Baitulmal	2012	
	<i>Nominee (Penama)</i>	1978	
	Khairat Kematian	1987	
	Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan	1988	
	Wang Pampasan Kematian Pekerja Yang Dianugerahkan Oleh Kerajaan Atau Syarikat Swasta	2000	
	Hukum Peraduan SMS dan Menyertainya Menurut Pandangan Islam	2004	
	Hukum Skim Cepat Kaya dan Seumpamanya	2005	
	Hukum Sistem Jualan Langsung (MLM) Menurut Islam	2006	
	Cadangan Mengenakan Kompaun Terhadap Kesalahan Undang-Undang Syariah	2008	
13	Lain-Lain	Hukum Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah	2008
	Hukum Peraduan Celcom 100 Hari 100 Kereta	2008	
	Status Hasil Caj Abstraksi Sumber Air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Daripada Syarikat yang Menjalankan Aktiviti Operasi Harian Tidak Halal	2013	
	Kajian Terhadap Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	2014	
	Hukum Penjualan Produk Menggunakan Ayat Ruqyah (Ayat al-Quran) Untuk Tujuan Komersial	2015	
	Matawang Kripto ( <i>Cryptocurrency</i> ) Satu Analisa Syarak	2020	
	Penggunaan e-Wallet Mengikut Perspektif Syarak	2020	
	<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	
		<b>100%</b>	

Sumber: Penyelidikan 2023

### **Analisis Tematik Pandangan Hukum Muamalat Jawatankuasa Muzakarah MKI**

Pada bahagian ini, penulis membentangkan analisis tematik terhadap pandangan hukum muamalat yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI dalam tempoh 49 tahun (1971 – 2020). Data-data yang dikumpulkan sepanjang tempoh tersebut dianalisis menggunakan metode deduktif dan dikategorikan kepada beberapa aspek menurut tema. Hasilnya dapatkan kajian menemui empat aspek utama yang boleh dikemukakan sebagai analisis tematik iaitu; [i] Pendalilan dan keterangan penghujahan; [ii] Metodologi berhukum dan bahan rujukan; [iii] Pertentangan fatwa, dan; [iv] Sulit dan rahsia.



Sumber: Penyelidikan 2023

**Rajah 4:** Analisis Tematik Pandangan Hukum Muamalat Jawatankuasa Muzakarah MKI  
1971 - 2020

### 1. Pendalilan dan keterangan penghujahan

Aspek pendalilan dan keterangan penghujahan merupakan antara elemen terpenting dalam proses mengeluarkan pandangan hukum muamalat. Perbahasan berkaitan sumber dalil dan penghujahannya akan dikemukakan terlebih dahulu sebelum sesuatu pandangan hukum diputuskan. Menurut Mohamad (2022), apa-apa pandangan hukum yang ingin dikeluarkan hendaklah mengambil kira aspek *tasawwur* (gambaran sesuatu masalah) terlebih dahulu. Pengabaian kepada kaedah *al-hukm ‘ala al-shai’ far’un ‘an tasawwurih* akan memberi implikasi kepada ketidaktepatan berhukum.

Sebagai contoh, masyarakat Arab suatu ketika dahulu pernah berpegang kepada hukum ‘minum kopi adalah haram’ akibat silap *tasawwur* mereka dalam menggambarkan kopi sebagai arak (*al-qahwah huwa al-khamr*). Namun apabila para ulama melakukan *istiqra’* dan penyelidikan, mereka menemui ciri-ciri perbezaan yang sangat ketara antara kopi dan arak. Antaranya meminum kopi memberikan mereka kecergasan untuk berjaga malam sehingga mampu menulis sampai ke pagi, sedangkan meminum arak menyebabkan mabuk dan tidak sedarkan diri (Mohamad, 2022).

Apabila berhujah dalam isu-isu muamalat, kaedah umum yang diguna pakai oleh jumhur ulama sebagai dalil antaranya adalah *al-‘asl fi al-mu’amalat al-ibahah hatta yadull al-dalil ‘ala tahririh* (asal hukum dalam muamalat adalah harus sehingga terdapat dalil yang menunjukkan pengharamannya) (Mohamad, 2012). Menurut Haji Opir (2022) pula, penghujahan dalam isu muamalat lebih terbuka dan luas berbanding isu ibadat. Bahkan dalam banyak keadaan, hukum bagi isu muamalat *mu’allalatun bi al-‘illah*. Jika ia mempunyai kekuatan *‘illah*, maka adalah hukumnya dan jika tidak mempunyai *‘illah* maka hukumnya akan berbeza.

Rujukan terhadap salah satu sumber kajian iaitu buku Kompilasi Pandangan Hukum (2021) mendapati gaya persembahan dalil dan keterangan penghujahan dalam penulisan buku ini dikemukakan secara tidak seragam. Gaya persembahan dalam penulisannya tidak memuatkan aspek pendalilan dan keterangan penghujahan. Ia hanya memuatkan tajuk dan keputusan pandangan hukum sahaja.

Berbeza dengan gaya persembahan dalam penulisan buku Himpunan Keputusan Muzakarah (2009) cetakan pertama. Ia memuatkan aspek pendalilan dan keterangan penghujahan bagi setiap isu dan tajuk yang dibahaskan antara tahun 1979 hingga 2008.

Menurut Mohd Subri (2022), antara isu yang berlaku mengenai kertas hukum atau keputusan fatwa di Malaysia ialah ia tidak mendedahkan kaedah berdalil dan penghujahannya untuk sebaran masyarakat awam. Perbincangan dalil daripada al-Quran dan hadith kebanyakannya hanya disebut secara umum sahaja.

## 2. Metodologi berhukum dan bahan rujukan

Dalam mengeluarkan pandangan hukum muamalat, Jawatankuasa Muzakarah MKI secara lazimnya berpandukan kepada Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri (1991; 1992; 1993; 1994; 2001; 2002; 2003; 2004; dan 2008). Peruntukan undang-undang di atas telah menegaskan secara tuntas bahawa metodologi hukum adalah berasaskan *qawl* muktamad mazhab Shafi'i. Sekiranya *qawl* muktamad mazhab Shafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, maka boleh dirujuk mana-mana *qawl* muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Dan sekiranya pandangan *qawl* muktamad empat mazhab tersebut juga bercanggah dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Muzakarah boleh menggunakan ijtihad mereka sendiri.

Kaedah berijtihad yang digunakan oleh Jawatankuasa Muzakarah antaranya adalah seperti *qiyas*, *maqasid al-Syariah* (Ghazali, 2015), *qawa'id al-fiqhiyyah* (Che Omar & Mat Hussin, 2018; Mahmud et al., 2023), *maslahah* (2019) dan banyak lagi. Bagi isu-isu kontemporari yang tidak mempunyai dalil ia lebih banyak menggunakan *maslahah* (Mohd Subri, 2022). Manakala bahan-bahan rujukan yang digunakan jarang disebut atau diketengahkan di dalam keterangan hukum. Menurut Buang (2012), kewajaran bahan-bahan rujukan ditunjukkan semasa memberikan fatwa supaya fatwa yang diberi merujuk benar-benar kepada autoriti mazhab. Antara kitab-kitab fiqh Shafi'i yang boleh dirujuk adalah seperti *al-Tuhfat*, *al-Nihayah*, *Sharh Qalyubi wa Umairah*, *al-Majmu'*, *I'anah al-Talibin*, *al-Iqna'* dan banyak lagi.

Sebagai penambahbaikan kepada metodologi berhukum dalam penyediaan kertas penyelidikan hukum, dicadangkan supaya dimasukkan juga berkaitan metodologi kajian. Ia bertujuan untuk mengangkat kedudukan para ilmuwan pengajian Islam di hadapan khalayak pembaca, penyelidik dan lain-lain (Mohd Subri, 2022).

## 3. Pertentangan fatwa

Terdapat beberapa fatwa pada peringkat awalnya berlaku pertentangan dengan fatwa-fatwa selepasnya. Contohnya fatwa berkaitan ‘wang faedah’ pada tahun 1971 menyatakan bahawa harus menerima wang faedah namun tidak harus dibelanjakannya. Ia hendaklah dimasukkan ke dalam baitulmal dan harus digunakan untuk tujuan maslahat umum sahaja.

Namun jika diqiyaskan hukum mengambil riba dengan hukum terlibat dengan aktiviti penghasilan arak kerana mempunyai persamaan *illah* dari sudut larangannya, maka hukum bagi kedua-dua isu ini adalah sama iaitu haram.

Fatwa berkaitan wang faedah pada tahun 1971 jelas bertentangan dengan fatwa-fatwa selepasnya seperti fatwa tahun; [i] 1979 berkaitan insurans yang menegaskan bahawa muamalat dengan riba adalah haram; [ii] 1993: Haram bermuamalat dengan bank-bank perdagangan yang mengamalkan riba; [iii] 2005: Hukum skim cepat kaya dan seumpamanya adalah haram; [iv] 2007: Skim pajak gadai Islam sumber-sumbernya hendaklah halal dan bebas daripada amalan riba; [v] 2007: Pelaburan ke atas syarikat Swiss Cash Mutual Fund adalah haram kerana mengandungi unsur riba; [vi] 2009: Tidak boleh menyalurkan harta tidak patuh syariah ke Baitulmal dan institusi Islam lain, dan; [vii] 2009: Mempromosikan produk insurans konvensional menurut perspektif Syariah hukumnya adalah haram.

#### **4. Sulit dan rahsia**

Hal ini merujuk kepada isi kandungan dan maklumat yang terdapat dalam kertas-kertas hukum. Menurut Mohd Subri (2022), tidak semua kertas hukum boleh diakses oleh para pengkaji. Hal ini memberikan kesulitan untuk melaksanakan kajian dan menerangkan kepada para penuntut ilmu mengenai metodologi penghasilan fatwa.

### **KESIMPULAN**

Setelah meneliti analisis tematik pandangan hukum muamalat Jawatankuasa Muzakarah dalam perbahasan ini, penulis mendapati beberapa kajian literatur yang memuatkan beberapa syor penambahbaikan telah dicadangkan oleh panel pakar antaranya Laldin (2012) dalam perbincangan dan muzakarah Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan (2012). Temu bual dengan tiga orang responden yang telah diadakan oleh Mohamed (2012) turut memuatkan beberapa cadangan penambahbaikan yang diketengahkan. Antaranya adalah seperti elemen: [a] Pemantapan terhadap kandungan jawapan fatwa termasukuraian terperinci mengenai hujah dan dalil yang digunakan seperti ketepatan dalam aspek *tasawwur* dan mengambil kira kekuatan ‘illah; [b] Pemantapan terhadap kandungan deklarasi fatwa, antaranya seperti tidak mengandungi kesalahan ejaan dan menggunakan laras bahasa yang mudah dan sesuai untuk difahami, dan; [c] Pemantapan terhadap kertas-kertas penyelidikan fatwa dengan memasukkan juga metodologi kajian dan penyediaan barisan pelapis institusi fatwa dan mufti dengan melibatkan mereka yang mempunyai kelayakan, antaranya seperti graduan PhD yang menjalankan penyelidikan dalam bidang fatwa.

### **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada kumpulan penyelidik daripada Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kota Bharu, Kelantan dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Bachok, Kelantan di atas bantuan teknikal serta pandangan dan perbincangan berkaitan kajian ini.

### **RUJUKAN**

- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993.
- Bahari, N. (2012). Fatwa muamalat di Malaysia: Satu kajian literatur. *E – Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 1(2), 34-55. <http://lms.kuis.edu.my/jurnal/wp-content/uploads/2015/01/JPI008.pdf>
- Bahari, N. & Buang, A. H. (2016). Penggunaan maqasid al-Syariah dalam fatwa muamalat di Malaysia: Kajian literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1), 1-18. <https://doi.org/10.22452/http://doi.org/10.22452/JSLR.vol1no1.1>
- Buang, A. H. (2012, 24 Oktober). Ke arah membangun garis panduan dan piawaian pengeluaran fatwa di Malaysia: Skop dan kandungan. Muzakarah pakar: Garis panduan dan piawaian pengeluaran fatwa peringkat kebangsaan. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Che Omar, S. N. A., & Mat Hussin, M. N.. (2018). Pemakaian kaedah-kaedah fekah dalam institusi fatwa di Wilayah Persekutuan dari tahun 2010-2014. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 5(3), 37-84. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/16428>
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.
- Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah Darul Aman 2008.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1991.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992.
- Ghazali, M. R.. (2015). Kepentingan maqasid Syariah dalam berfatwa di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4(1), 7-32. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.92>
- Haji Opir, A. (2022, 27 Oktober). Temu bual responden. Hotel Mardhiyyah, Shah Alam.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2009). Himpunan keputusan muzakarah jawatankuasa fatwa kebangsaan. (ed.1.).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). Garis panduan pengeluaran fatwa di Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). Kompilasi pandangan hukum jawatankuasa muzakarah majlis kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). (ed.7.).
- Laldin, M. A.. (2012, 24 Oktober). Penghasilan fatwa berkualiti dan berwibawa: Permasalahan, cadangan penyelesaian dan penambahbaikan. Muzakarah pakar: Garis panduan dan piawaian pengeluaran fatwa peringkat kebangsaan. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahmud, A. T., Mohd Subri, I., & Abdul Majid, M. N.. (2023). Analisis aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam kertas kajian jawatankuasa muzakarah majlis kebangsaan bagi hal ehwal ugama Islam Malaysia berkaitan isu pandemik COVID-19: Satu sorotan literatur. *Journal of Fatwa Management and Research*, Vol. 28( No. 2), 104-122. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.512>
- Mat Salleh, M. K., Samuri, M. A. & Mohd Kashim, M. I. A.. (2017). Konflik di antara fatwa dan keputusan panel penasihat Syariah dalam kes muamalat di mahkamah Malaysia. *Islamijiyat*, 39(2), 113-124. <http://jurnalarticle.ukm.my/11933/1/22609-67929-1-PB.pdf>
- Mohamad, M. S.. (2012, 24 Oktober). Kriteria dan panduan pengeluaran fatwa menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Muzakarah pakar: Garis panduan dan piawaian pengeluaran fatwa peringkat kebangsaan. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamad, M. S. (2022, 2 November). Temu bual responden. Pejabat Mufti Negeri Kelantan, Kompleks Islam Lundang, Kota Bharu.
- Mohd Subri, I. (2022, Oktober 27). Temu bual responden. Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), USIM.
- Mustapha, A. M. (2021). Pendalilan darurah dalam isu muamalat bagi keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Jurnal Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa*, 25, 94-111. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol25no1.369>
- Nor Muhamad, N. H., Kamarudin, M. K., Ripin, M. N., Hassan, A. M., Yaacob, A. C., Ruskam, A., Syed Ahmad, S. M., & Zulkifli, A. H. (2018). Fatwa di Malaysia: Satu sorotan terhadap fatwa dalam bidang muamalat. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 8(5), 26–34. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/93>